

26 JUN 2000
OIC-Previu/I

OIC AKAN BEKERJASAMA MENANGANI GLOBALISASI

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Masih segar daripada sidang kemuncak negara-negara membangun di Mesir, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka terus menyuarakan bahaya globalisasi tanpa kawalan di sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di sini, esok.

Kumpulan 15 (G15) negara membangun yang muncul dengan persefahaman lebih baik mengenai kesan negatif globalisasi selepas penghujahan dua hari di Kaherah, ICFM mungkin menjadi satu lagi forum bagi negara-negara membangun mempertingkatkan kerjasama dalam menangani isu itu.

"Banyak negara OIC tertekan kerana masalah kewangan dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengawal sumber kewangan mereka dan cuba mengenakan pengaruh mereka seperti di Mesir yang diminta membuka pintunya kepada bank-bank luar negara," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas tiba dari Kaherah di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pagi ini.

Beliau telah berceramah mengenai impak globalisasi terhadap negara-negara membangun dan menerangkan strategi Malaysia dalam menangani krisis kewangan Asia dalam pertemuannya dengan pemimpin-pemimpin G15 dan juga kepada penuntut-penuntut Malaysia di Universiti Kaherah.

Seorang pegawai kanan Kementerian Luar berkata, Dr Mahathir dijangka membangkitkan isu globalisasi dan impaknya terhadap orang Islam di seluruh dunia dalam ucapan dasarnya semasa merasmikan ICFM.

"Apa lagi, tema persidangan itu ialah Islam Dan Globalisasi," katanya dengan persiapan terakhir giat berjalan bagi majlis perasmian di Hotel Palace Of Golden Horses, sebuah hotel lima bintang di luar ibu negara.

Acara itu akan disiarkan secara langsung oleh stesen-stesen televisyen tempatan. Lebih kurang 1,000 perwakilan daripada 56 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menghadiri mesyuarat itu, yang kedua dianjurkan oleh Kuala Lumpur selepas persidangan pada 1974.

Minggu lepas, Perdana Menteri berkata di Cairo walaupun Malaysia telah berjaya mengatasi krisis kewangan serantau, negara akan berjuang bermati-matian untuk mempertahankan dirinya daripada serangan baru ekonomi global oleh negara-negara kaya untuk memberi kelebihan kepada mereka terhadap yang miskin.

Di lapangan terbang pagi ini, beliau berkata Malaysia dan negara-negara Islam lain menghadapi masalah yang sama daripada komplot kumpulan tertentu dengan negara-negara berkuasa mahu mendominasi ekonomi mereka.

Malaysia sedar yang apa yang dikatakan sebagai demokrasi, pasaran bebas, dunia tanpa sempadan, peliberalan hak buruh dan buruh kanak-kanak yang dirumuskan oleh negara-negara kaya hanya semata-mata untuk dibebankan pada negara miskin.

Penerimaan pandangan barat mengenai konsep-konsep itu oleh mereka yang miskin akan menjejaskan kestabilan mereka dan menyebabkan mereka terpaksa tunduk kepada yang kaya, kata Perdana Menteri dengan tepukan gemuruh daripada para hadirin di Universiti Kaherah.

Krisis Kewangan Asia telah mendedahkan risiko dan cabaran kepada negara-negara membangun khususnya kepada ekonomi kecil dan terbuka seperti Malaysia.

Dr Mahathir juga dijangka menyeru anggota-anggota OIC supaya lebih bersatu khususnya dalam menghadapi cabaran yang dibawa oleh era teknologi maklumat.

Di zaman maklumat ini dengan kuasa Eropah dan Amerika Syarikat menjadi begitu kuat, negara-negara membangun perlu menumpukan tenaga untuk menguasai ilmu moden.

Tanpa pengetahuan dalam bidang teknologi moden, negara-negara kecil akan mudah terdedah kepada usaha kuasa-kuasa besar untuk menguasai mereka.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga tidak mahu melihat timbulnya tuduhan bahawa sesebuah negara itu kurang Islam atau lebih Islam sehingga menyebabkan negara tertentu mengambil tindakan politik.

"Ada sesetengah negara walaupun menjadi anggota organisasi yang sama, tapi ada juga yang mengambil tindakan terhadap negara lain kerana berpendapat bahawa negara itu tidak begitu baik, mungkin kurang Islam daripada mereka," katanya.

Beliau berkata, perpaduan di kalangan negara-negara Islam masih belum kukuh walaupun mereka menganggap diri sebagai saudara Islam.

-- BERNAMA

AZZ PR